



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 25 OKTOBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 25 Oktober 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **7,414 kes** (2,334,783 kes kumulatif, 95.8%);
- Kes baharu : **4,782 kes** (2,436,498 kes kumulatif);
- Kes import : **15 kes** (13 warganegara; 2 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **4,767 kes** [4,575 warganegara (96.0%); 192 bukan warganegara (4.0%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **607 kes** (514 kes disahkan COVID-19 ; 93 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan) ;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **300 kes** (217 kes disahkan COVID-19 ; 83 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan)
- Jumlah kluster : **5,728 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **6 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,200 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **528 kluster**.


Daripada **4,782 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **96 kes (2.0 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **4,686 kes (98.0 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian kluster-kluster baharu dan nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 dan 2 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

ANALISA SITUASI SEMASA JANGKITAN COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 25 Oktober 2021, kes positif COVID-19 yang direkodkan di seluruh dunia adalah sekitar 243 juta, dengan angka kematian sekitar 4.9 juta (berdasarkan statistik terkini Universiti Johns Hopkins).



Sumber : Our World In Data, University of Oxford

Secara kasar, negara-negara di Asia Tenggara menunjukkan tren penurunan kes COVID-19 sejak kebelakangan ini. Malaysia juga turut menunjukkan tren penurunan kes COVID-19 sejak Minggu Epidemiologi (ME) ke-34, namun Singapura dan Brunei menunjukkan tren peningkatan kes COVID-19. Kedua-dua negara ini menunjukkan kadar kes bagi setiap satu (1) juta penduduk yang lebih tinggi berbanding Malaysia (180.91 kes) iaitu pada kadar 584.86 kes (Singapura) dan 499.88 kes (Brunei).







Walaupun Malaysia menunjukkan penurunan kes, pematuhan terhadap Proedur Operasi Standard (SOP) perlu terus diamalkan bagi mengelakkan peningkatan kes seperti negara-negara jiran setelah pembukaan sektor pendidikan dan ekonomi yang lain.

i) Indikator-Indikator Jangkitan COVID-19

Pada ME ke-42 iaitu daripada **17 Oktober 2021 sehingga 23 Oktober 2021**;

- Kes baharu COVID-19 menunjukkan **penurunan sebanyak 20.7 peratus** iaitu daripada **52,321 kes** (ME ke-41) kepada **41,508 kes** (ME ke-42);

- Purata kes aktif menunjukkan **penurunan sebanyak 21.0 peratus** iaitu daripada **105,497 kes** (ME ke-41) kepada kes **83,605 kes** (ME ke-42);
- Kes kematian menunjukkan **penurunan sebanyak 16.4 peratus** iaitu daripada **593 kes** (ME ke-41) kepada **496 kes** (ME ke-42);
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) menunjukkan **penurunan 16.5 peratus** iaitu **684 kes** (ME ke-41) kepada **571 kes** (ME ke-42);
- Kes yang memerlukan bantuan pernafasan menunjukkan **penurunan 14.4 peratus** iaitu **292 kes** (ME ke-41) kepada **250 kes** (ME ke-42); dan
- Nilai RT kekal stabil sekitar nilai 0.88.












	ME Ke-41 (10/10 - 16/10)	ME ke-42 (17/10 - 23/10)	Perbandingan ME Ke-41/42 (%)
Kes Kumulatif COVID-19	2,384,542	2,426,050	 1.7
Kes Baharu COVID-19	52,321	41,508	 -20.7
Kumulatif Kes Kematian COVID-19	27,858	28,354	 1.8
Kes Kematian	593	496	 -16.4
Penggunaan Katil ICU (Purata)	684	571	 -16.5
Penggunaan Alat Bantuan Pernafasan (Purata)	292	250	 -14.4

Jadual 1 : Perbandingan Indikator Jangkitan COVID-19 bagi ME ke-41 dan ME ke-42

ii) Kluster

Sebanyak **56 kluster** yang dilaporkan pada ME ke-42 yang terdiri daripada (**Jadual 2**);

- **35 (62.5 peratus)** kluster tempat kerja;
- **Sembilan (9) (16.1 peratus)** kluster komuniti;
- **Tujuh (7) (12.5 peratus)** kluster pusat pendidikan;
- **Tiga (3) (5.3 peratus)** kluster kumpulan berisiko tinggi; dan
- **Dua (2) (3.6 peratus)** kluster keagamaan.

	ME Ke-41 (10/10 – 16/10)	ME Ke-42 (17/10 – 23/10)	Perbandingan ME K41/42 (%)
Kumulatif Kluster	5663	5719	 1.0
Kluster Aktif	703	557	 20.8
Kluster Tamat	225	201	 11.1
Kluster Baharu	83	56	 32.5
Kategori Kluster			
1. Tempat Kerja	37	35	 5.4
2. Komuniti	25	9	 64.0
3. Kumpulan Berisiko Tinggi	9	3	 66.7
4. Institusi Pendidikan	10	7	 30.0
5. Pusat Tahanan	1	0	 100.0
6. Keagamaan	1	2	 100.0
7. Import	0	0	 0.0

Jadual 2 : Jumlah Kluster Mengikut Kategori bagi ME ke-41 dan ME ke-42

iii) Vaksinasi

KKM juga ingin memaklumkan bahawa **sehingga 23 Oktober 2021**, sejumlah **25,161,659 individu** telah mendaftar bagi mendapatkan vaksinasi COVID-19. Sebanyak **94.5 peratus** daripada populasi dewasa telah menerima suntikan vaksin COVID-19 lengkap. Manakala, sebanyak **72.4 peratus** daripada keseluruhan penduduk telah menerima suntikan vaksin COVID-19 lengkap.

iv) Kapasiti Hospital

KKM telah memperuntukkan 28,832 katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC), 15,241 buah katil wad biasa, 1,374 katil wad ICU, dan 2,861 alat bantuan pernafasan bagi merawat pesakit COVID-19, kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan. Penggunaan katil di PKRC dan katil di wad biasa dan Unit Rawatan Rapi (ICU) menunjukkan **tren penurunan sekitar 4 hingga 8 peratus** pada ME ke-42 berbanding ME ke-41 seperti pada **Jadual 3**.

Fasiliti Kesihatan	Kapasiti	Jumlah penggunaan oleh kes disahkan COVID-19, kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan	Kadar Penggunaan (%)	Perbandingan ME Ke-42/41 (%)
Katil Hospital (wad biasa)	15,241	6,533	43%	4% ↓
PKRC	28,832	12,046	42%	8% ↓
Katil Hospital (ICU)	1,374	663	48%	4% ↓
Alat Bantuan Penafasan	2,861	1,188	42%	1% ↑

Jadual 3 : Kapasiti hospital dan ICU di Hospital Awam

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

25 Oktober 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 25 OKTOBER 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Sri Kota Pontian	Tempat Kerja	Johor	Pontian	16	79
2	Jalan Latar Puri	Tempat Kerja	Johor	Muar	9	24
3	Jalan Pak Mayong	Tempat Kerja	Kelantan	Pasir Puteh, Bachok, dan Kota Bharu	6	16
4	Dah Damai	Komuniti	Kedah	Kubang Pasu	15	16
5	Dah Merbok	Institusi Pendidikan KPM	Kedah	Kuala Muda	18	179
6	Jalan Labohan	Pendidikan Tinggi	Selangor	Sepang dan Gombak	9	111

LAMPIRAN 2**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 24 OKTOBER 2021**

NEGERI	NILAI R_T
WP KUALA LUMPUR	1.00
NEGERI SEMBILAN	1.00
WP PUTRAJAYA	0.97
MELAKA	0.97
SELANGOR	0.95
SABAH	0.92
KEDAH	0.90
JOHOR	0.88
KELANTAN	0.86
TERENGGANU	0.86
PULAU PINANG	0.83
PAHANG	0.82
PERAK	0.81
SARAWAK	0.81
PERLIS	0.81
WP LABUAN	0
MALAYSIA	0.88